

04 FEB 1997

PERDANA MENTERI BERBUKA PUASA DENGAN KAKITANGAN KDN

KUALA LUMPUR, 4 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berbuka puasa bersama-sama pegawai kanan dan kakitangan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di bangunan Parlimen di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri kemudian menunaikan solat Maghrid bersama hadirin di surau Parlimen.

Yang turut hadir ialah Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob.

Ketua jabatan di bawah kementerian yang hadir antaranya ialah Ketua Setiausaha kementerian Datuk Shamsuddin Osman, Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Shamsuri Arshad dan Ketua Pengarah Penjara Datuk Zaman Khan. --
BERNAMA

SJA FAZ